



---

---

**KERATAN AKHBAR  
DAN MEDIA ONLINE  
UNTUK MAKLUMAN :**

**Y.B. MENTERI  
Y.B. TIMBALAN MENTERI  
Y.BHG. KSU  
Y.BHG. TKSU (PDN)  
Y.BHG. TKSU (PUP)  
SETIAUSAHA AKHBAR**

---

---

**26 OGOS 2020 (RABU)**



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN HAL EHRAL PENGGUNA

---

---

**KERATAN AKHBAR  
DAN MEDIA ONLINE  
(KPDNHEP)**

---

---

**26 OGOS 2020 (RABU)**

## Kerajaan rancang turun harga pelitup muka

**KUALA LUMPUR** - Kerajaan merancang untuk menurunkan harga pelitup muka tiga lapisan berbanding harga runcit semasa iaitu RM1 bagi setiap keping.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDN-HEP), Datuk Alexander Nanta Linggi berkata, perkara tersebut dalam proses kajian di peringkat kementerian dan melibatkan perbincangan bersama pemain industri dalam tempoh beberapa bulan akan datang.

"Kita akan melihat satu tahap had harga yang baharu yang akan kita laksanakan dalam sebulan, dua nanti selepas kajian kita akan umum dalam hujung September atau Oktober untuk diturun-

kan lagi di bawah paras harga RM1.

"Kita juga harap pihak pemain industri mengambil maklum tentang perkara ini dan jangan kata kita tidak bagi notis," katanya di Dewan Rakyat semalam.

Beliau berkata demikian menjawab soalan tambahan daripada **Cha Kee Chin (PH-Rasah)** yang meminta kementerian menyatakan adakah harga siling pelitup muka tiga lapis pada RM1 yang berkuat kuasa pada ketika ini akan diturunkan lagi.

Alexander berkata, bekalan pelitup muka yang dikeluarkan pengilang dalam negara mencukupi dengan pengeluaran sebanyak 1.5 juta keping dalam tempoh satu hari.

"Sekarang kilang telah bertambah berbanding dulu dengan kita mempunyai enam kilang dan sekarang bertambah kepada 10.

"Pada Oktober ini empat lagi operasi kilang topeng baharu akan ditambah, sehingga kini sebanyak 1.5 juta pelitup muka dikeluarkan sehari melibatkan 10 kilang yang sedia ada," katanya.

Menjawab pertanyaan adakah pelitup muka bagi kanak-kanak boleh dikurangkan harga kerana saiznya lebih kecil berbanding dewasa, beliau berkata, perkara tersebut tidak dapat dilaksanakan kerana proses pengeluaran pengeluarannya mengikut proses yang ada sama dengan saiz dewasa.

## Tindakan terhadap penjualan barangan tiruan

**KUALA LUMPUR** - Tindakan penguatkuasaan terhadap penjualan barangan tiruan atau cetak rompak diperluaskan di pemilik premis atau bangunan yang membenarkan aktiviti tersebut di premis mereka, kata Pengarah Penguatkuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Datuk Iskandar Halim Sulaiman.

Beliau pada sidang akhbar di sini semalam berkata, tindakan itu sebagai amaran bagi mengelakkan aktiviti itu berleluasa.

“Kaedah tersebut akan mengurangkan penjualan barangan tiruan atau cetak rompak secara terbuka di pasaran fizikal dengan tindakan tegas di bawah Akta Cap Dagangan 2019 (ACD 2019) dan Akta Hakcipta 1987 (AHC 1987),” katanya.

TTPM arah bayar RM2,150 kos baiki pendingin hawa

# Ditipu kedai aksesori

## Suara Pengguna

Oleh ISKANDAR SHAH MOHAMED

**SHAH ALAM** – Seorang perunding kewangan hanya sempat menikmati pendingin hawa yang telah dibaiki dalam tempoh beberapa jam apabila ia rosak semula selepas dibaiki di sebuah kedai aksesori kenderaan, awal tahun ini.

Lebih malang, pemilik kedai aksesori itu didapati lepas tangan apabila diminta membayar semula kos baik pulih penghawa dingin kereta jenis Peugeot 508 berjumlah RM2,150.


Mangsa dikenali sebagai Zack, 48, berkata, keretanya itu mengalami kerosakan pada kompresor pendingin hawa sejak Julai tahun lalu.

Katanya, dia kemudiannya tertarik dengan iklan kedai aksesori itu di platform e-dagang yang menawarkan harga RM850 pada pertengahan Januari lalu.

"Tanpa berfikir, saya segera ke premis itu di Sungai Besi dan bersetuju membaikinya dengan harga RM1,200.

"Bagaimanapun, saya pelik apabila turut diminta membaik pulih beberapa alat ganti lain dengan kos keseluruhan RM2,150," katanya ketika ditemui *Kosmo!* di Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia (TTPM) Selangor di sini, baru-baru ini.

Menurut bapa kepada lima anak itu, dia yang pada mulanya gembira bertukar marah selepas



**ZACK** melihat borang tuntutan penghawa dingin yang difailkan di pejabat TTPM di Shah Alam baru-baru ini.

mendapati penghawa dingin keretanya itu masih rosak ketika perjalanan pulang ke rumah di Kelana Jaya di sini.

Lelaki tersebut menjelaskan, dia telah menghubungi kedai tersebut bagi menuntut semula kos itu beberapa kali, namun tidak diindahkan pemilik kedai tersebut sebelum memfailkan tuntutan di TTPM negeri untuk tindakan lanjut pada 12 Mac lalu.

Sementara itu, Presiden Ra-

shidah Abu Bakar semalam memerintahkan kedai itu membayar tuntutan penuh dalam tempoh 14 hari bermula tarikh perintah dikeluarkan.

Kegagalan pihak penentang mematuhi perintah itu boleh dikenakan tindakan mengikut Seksyen 117 Akta Pelindungan Pengguna (APP) 1999 yang memperuntukkan denda tidak lebih RM5,000 atau penjara maksimum dua tahun atau kedua-duanya sekali, jika sabit kesalahan.

## Retail price of three-ply face masks set to be lower than RM1 a piece

**KUALA LUMPUR:** The retail ceiling price for three-ply face masks is expected to be lowered further from the current RM 1 per piece, the Dewan Rakyat was told yesterday.

Domestic Trade and Consumer Affairs Minister Datuk Alexander Nanta Linggi said the ministry would set a new ceiling price in the next two months as there was enough supply of face masks.

"We will review it in September or October to reduce the price from RM1 per piece," he said in reply to a question by Cha Kee Chin (Pakatan Harapan-Rasah).

Cha had asked whether the RM1 ceiling price for three-ply face masks would be lowered in stages as supply was adequate and the

current market price was much lower than the ceiling price.

Alexander said previously, there were only six face mask manufacturers.

"Now, we have 10 and four more will begin operations in October."

He said these 10 manufacturers could produce 1.5 million face masks daily.

The price of three-ply face masks was set at RM2 per piece on March 18, then lowered to RM1.50 on March 27. On July 23, the price was lowered to RM1.20 and on Aug 11 to RM1 per piece.

The move came following the enforcement of the government's ruling on the mandatory use of face masks in crowded places and on public transport on Aug 1.

## Face masks to cost less than RM1 each

**ANOTHER** review of the ceiling price of face masks is on the cards as manufacturers are producing enough to meet demand.

The review is expected at the end of September or early October, Domestic Trade and Consumer Affairs Minister Alexander Nanta Linggi said.

Alexander said the objective is to lower the price for three-ply face masks to below RM1 apiece.

This will be the fourth price review since the government made it mandatory for all to don face masks to curb the spread of Covid-19.

In March, the price was brought down from RM2 to RM1.50 while a second review in July saw it being lowered further to RM1.20 apiece. On Aug 15, a third review cut the price down to RM1.

Linggi said the government is taking a soft approach to ensure three-ply face masks produced at a higher price are sold first.

"Manufacturers are making 1.5 million face masks daily with another four producers expected to begin operating in October.

"The ceiling price will be lowered after the review," he told Cha Kee Chin (PH-Rasah).

Cha had asked for the price of face masks to be reduced in stages to prevent losses to manufacturers.



**Senarai Harga  
Barang Keperluan**

Barang	Harga (kg)
• Ayam	<b>RM6.69</b>
• Daging Lembu Tempatan	<b>RM34</b>
• Daging Lembu Import	<b>RM20</b>
• Telur Gred A (30 biji)	<b>RM9.99</b>
• Ikan Kembung	<b>RM7.50</b>
• Minyak Masak	<b>RM5.20</b>
• Gula Pasir	<b>RM2.75</b>
• Bawang Besar Holland	<b>RM1.90</b>
• Bawang Putih	<b>RM3.20</b>
• Cili Merah	<b>RM6.90</b>
• Kubis Tempatan	<b>RM1.69</b>
• Tepung Gandum	<b>RM1.35</b>

Sumber: KPDNHEP





KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN HAL EHRAL PENGGUNA

---

**KERATAN AKHBAR  
DAN MEDIA ONLINE  
(AGENSI KPDNHEP)**

---

**26 OGOS 2020 (RABU)**

## Tindakan tegas jika guna nama dan logo SSM tanpa kebenaran

**KUALA LUMPUR** - Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) menafikan mempunyai sebarang kaitan dengan mana-mana entiti pinjaman wang atau memberi kredit kepada golongan usahawan.

Dalam kenyataan semalam, SSM memberi amaran bahawa tindakan undang-undang akan diambil ke atas

mana-mana pihak yang menggunakan nama serta logo SSM tanpa kebenaran.

Menurut kenyataan itu, SSM telah menerima laporan berkaitan beberapa perniagaan pinjaman wang yang menggunakan nama SSM untuk mempromosikan perkhidmatan dan produk mereka.

“SSM menggesa orang ramai supaya sentiasa berhati-hati sebelum melaku-

kukan transaksi yang ditawarkan mana-mana entiti perniagaan termasuk entiti perniagaan pinjaman wang bagi mengelakkan sebarang masalah,” menurut kenyataan itu.

Sebarang pertanyaan boleh hubungi Pusat Panggilan SSM di talian 03-7721 4000 atau e-mel kepada [enquiry@ssm.com.my](mailto:enquiry@ssm.com.my). - *Bernama*